kapada Ahli² Yang Berhormat supaya berchakap sa-berapa pendek dan tepat kapada tujuan-nya. Jangan-lah diulang²kan apa² yang sudah di-chakapkan lebeh dahulu.

Enche' V. Veerappen: Mr Chairman, Sir, as you have made a request to us to be brief, I shall be very brief. I wish to touch on sub-heads 1 and 2, Primary School Programme and Secondary Continuation Schools Programme.

Speaking on sub-head 2 first, I would call upon the Minister to exercise some caution in the expenditure of this money in the building of secondary continuation schools, because, as we have pointed out, the secondary continuation schools programme is a complete failure; the Government has agreed to this view and, in fact, the Honourable Minister has also set up a Committee to go into this matter and review the position of the secondary continuation schools. As such, we would not like some time later to have schools where there will be no pupils, as the public do not accept these schools at all. It would be better if the Committee could go into this business in earnest and recommend some sort of schools which would be acceptable and which would serve a purpose in this country; if that is done, then it would be worthwhile spending this money building secondary continuation schools.

From what I know, another factor about these schools is that even in the case of the schools that are running now, they may have the buildings but they are empty, Empty of what? Empty of the materials which are required for the running of such schools. These secondary continuation schools are supposed to be special schools with a practical bias, but in order to carry out such a programme, these schools must have the necessary materials and facilities so that the teachers may give instructions in practical work where it is needed. What they are now is just a repetition of the academic schools, but on a lower scale. This is, indeed, sad, because the pupils would not be able to benefit from the

money that is spent. I hope that the Minister will be able to enlighten this House as to what steps he is taking to provide the necessary materials for such schools.

The other matter I wish to touch on is primary school programme, and I shall confine my observations on this to the position of the Tamil schools. I see that the Tamil schools have not been given due consideration in the building programme of the Ministry of Education, as you would have heard from the Member from Bagan and also from the Member for Sepang. I can give several examples, but I think one would suffice and this effects the schools in the fragmented estates. In the fragmented estates—and Tamil schools are concentrated in the estates—once the estates are fragmented the schools become nobody's property and the schools are closed and usually given notice to quit and they have great difficulty. The Government's policy is to regroup these small schools into one big school. In Nibong Tebal such a school was planned and when the estate there was fragmented as long ago as 1956 the land and the buildings were sold by the speculator to somebody else and the school was given notice to quit. In fact, up to now the board of managers have been agitating and fighting and making requests to the Education Department but with very little success. At first they were told to buy the land and the people collected money and bought the land. Then they were asked to surrender the land; they agreed to surrender the land to the Government. But there was nobody to surrender it to. That is a ridiculous position. Since 1956 several years have elapsed and the land was bought two years ago, but still that is the position. In view of the fact that the Government accepted the recommendations of the Committee set up to look into the question of fragmentation of estates and that it is going to give due consideration to this aspect, I would like to request that the Ministry should give urgent and immediate consideration to this problem and take immediate action to help these scattered little

Tamil schools to be properly housed. Thank you.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek (Dungan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-dalam bahagian yang kedua—Secondary Continuation Schools Programme. Soal ini, Tuan Pengerusi, peruntokan yang sa-banyak \$1,087,168 saya merasa kalau perlu di-tambah peruntokan ini hendak-lah di-tambah, kerana Sekolah Lanjutan ini sangat penting bagi menampung murid² yang tidak dapat masuk ka-Sekolah Menengah. Sa-bagaimana yang kita mendapat jawapan di-dalam Dewan ini dari pertanyaan berapa banyak dalam satu tahun ia-itu murid² yang tidak dapat masuk ka-sekolah menengah yang kita tahu ia-itu sa-banyak tujuh puluh sembilan ribu lebeh satu tahun, sedangkan Sekolah Lanjutan ini hanya beberapa buah sahaja yang ada. Jadi untuk menampung yang dekat lapan puluh ribu murid dalam satu tahun itu, hendak-lah Sekolah Lanjutan ini di-perbanyakkan lebeh² lagi di-kawasan² yang mana banyak penduduk² yang terdiri daripada orang² Melayu, sebab, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada anak² yang tidak lulus itu bagi yang akan datang, murid² yang hendak menempoh ujian sekolah menengah hanya tiga puluh peratus sahaja yang dapat di-masokkan ka-sekolah menengah, tujuh puluh peratus daripada mereka itu sudah tentu tidak dapat masok, dan ka-mana-kah mereka itu akan pergi, kalau sa-kiranya Sekolah Lanjutan ini tidak kita banyakkan. Jadi, saya berharap-lah supaya pehak Kementerian ini mengambil perhatian dalam hal ini untuk membanyakkan lagi Sekolah² Lanjutan, lebeh² lagi di-kawasan² yang mana penduduk²-nya banyak terdiri daripada orang² Melayu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, bahagian yang pertama—Primary School Programme sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi hanya saya dengar soal bangunan² sahaja, tetapi sayang-nya tidak termasuk dalam soal alat kelengkapan bagi memajukan murid² di-dalam pelajaran. Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang saya minta ia-itu soal yang ada dalam peruntokan

di-sini ia-lah sa-banyak \$5,231,200 kalau perlu di-tambah, sa-betulnya harus-lah di-tambah supaya di-masokkan di-dalam sekolah² ini ia-itu peruntokan bagi buku² murid² yang belajar di-sekolah itu, sebab buku² inilah jiwa daripada satu² pelajaran bagi memajukan murid² itu. Ini ada-lah rayuan daripada sa-bahagian besar orang² Melayu di-kampong² yang anak²-nya bersekolah dengan tidak mempunyai chukup wang daripada ibu bapa-nya untuk membeli buku². Jadi, saya berharap-lah supaya pehak Kementerian Pelajaran ini mengadakan peruntokan di-dalam Primary School Programme ini, ia-itu buku² yang boleh di-beri kalau dapat dengan pinjaman, atau sa-chara perchuma kapada murid² yang datang daripada sekolah² itu. Sebab, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya Menteri ini berkata saya mengagong²kan, atau saya teringat kapada masa yang silam—masa penjajah, kerana penjajah dahulu ada memberi buku² perchuma di-sekolah², tetapi saya tidak mahu mengingatkan di-zaman penjajah itu lagi, kerana kita sekarang ini hendak memajukan anak bangsa kita, ratap tangis daripada orang² kampong yang tidak ada mempunyai wang untuk membeli buku² bagi anak²-nya. Maka saya majukan soal itu dalam Dewan ini. Saya pun merasa hairan, barangkali Yang Berhormat Menteri itu lupa, kalau-lah tidak dengan kuat kerja saya juga di-dalam menghapuskan penjajah dalam negeri ini, Yang Berhormat itu harus tidak duduk dalam tempat ini pada hari ini

Mr Chairman: Order! Order! Saya ta' fikir itu ada kena-mengena dengan peruntokan yang di-minta ini. Tolonglah sadikit!

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Jadi buku² ini sangat-lah penting, sebab pada masa ini, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana jawapan daripada pehak Yang Berhormat Menteri sa-malam bahawa buku² itu terserah kapada Jawatan-Kuasa Sekolah, satu² sekolah itu boleh bertindak dengan bebas. Soal ini-lah yang sangat mengechikawan orang² kampong, Tuan Pengerusi, sebab sa-sabuah sekolah itu

ada-lah berlainan buku² yang di-pakai-nya, sedangkan sa-sabua sekolah itu hanya berdekatan beberapa batu sahaja

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, peruntukan untuk buku tidak ada di-situ, saya ingat untuk bangunan sahaja.

Mr Chairman: Awak hendak kata on a point of order, atau apa?

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: On a point of order, 36 (1).

Mr Chairman: Masaalah di-hadapan kita ini ia-lah Primary School Programme. Jadi tolong-lah tumpukan kapada programme itu. Saya sendiri ta' dapat hendak menerangkan sama ada buku itu masuk di-dalam Primary School Programme, atau tidak. Saya ta' dapat hendak menghadkan perkara itu.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Dudok dahulu! Saya belum habis. Mengikut peratoran ini, apabila Speaker maseh berchakap, ta' ada Ahli Yang Berhormat boleh bangun. Tolong-lah jangan kita kembali kapada perbahathan atas dasar ini, kerana kalau kita kembali pada dasar itu, panjang lagi cherita-nya. Jadi, tolong-lah tumpukan ka-atas peruntukan ini sahaja.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya merasa peruntukan bagi sekolah² rendah ini termasok-lah alat kelengkapan pelajaran keselurohan-nya di-situ, Tuan Pengerusi. Jadi, ta' boleh dipisahkan buku itu masuk ka-dalam programme ini. Saya merasa ini termasuk, Tuan Pengerusi, dan di-dalam soal buku ini, saya minta-lah dengan sa-sungguh-nya kapada pehak Menteri supaya dapat memberikan jawapan dengan jelas-nya kapada ibu bapa orang² Melayu yang merayu di-dalam soal ini.

Tuan Pengerusi, saya sangat merasa hairan, kerana banyak orang² Melayu di-dalam Dewan ini berkata aah! (*Ketawa*).

Mr Chairman: Saya minta-lah jangan kata ooh-kan! (*Ketawa*). Order!

Order! The time is up. The meeting is suspended till 4.30 this afternoon.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS AND ADJOURNMENT SINE DIE

(Motion)

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Mr Speaker, Sir, I beg to move the following motion under Standing Order 12:

That the House shall not adjourn this day until after the completion of all Government business set down on the Order Paper for today and that at its rising the House do stand adjourned *sine die*.

The Minister of Health (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the House shall not adjourn this day until after the completion of all Government business set down on the Order Paper for today and that at its rising the House do stand adjourned *sine die*.

THE DEVELOPMENT (SUPPLEMENTARY) (No. 2) ESTIMATES, 1963

House immediately resolved itself into Committee of the whole House.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Head 122—

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan pelajaran di-dalam Head 122, dan saya chuba berchakap sa-berapa ringkas sebab banyak perkara telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat dahulu daripada saya. Saya hanya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Primary School Programme, Secondary Continuation Schools Programme dan Secondary Schools Programme saperti yang tersebut di-dalam sub-head 1, 2 dan 3.

Dalam usaha Kerajaan melaksanakan bangunan² Sekolah Menengah, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini, sebab telah memberi keistimewaan kepada negeri Johor dengan mengadakan banyak Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Lanjutan di-daerah Johor Baharu, Batu Pahat, Kluang termasuk-lah Muar, dan satu daripada-nya, Tuan Pengerusi, di-Tangkak. Saya bagi pehak penduduk Tangkak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini sebab telah menguntukkan wang \$1 juta lebeh untuk membangunkan sa-buah Sekolah Menengah Inggeris. Dalam bulan April yang lalu Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menengok bangunan itu dan naik di-atas bangunan itu dengan megah dan ria

Mr Chairman: Order. Order. Ada-lah masaalah di-hadapan Majlis ini bukan berkenaan dengan sekolah yang sudah di-buat. Peruntukan yang di-minta ini kerana hendak membuat sekolah tahun yang akan datang. Tolong jangan berchakap panjang tentang sekolah² yang sudah di-buat itu.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, ada hubungan-nya dengan Sekolah Menengah yang sudah di-buat itu ia-lah sampai sekarang alat dalam bahagian ma'mal (science) belum ada. Oleh itu saya harap dengan peruntukan wang yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengingati supaya kekurangan itu dapat di-sempurnakan.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubong dengan Sekolah² Rendah. Saya gemar menarek perhatian bahawa dalam daerah Muar banyak Sekolah Ra'ayat yang belum di-bangunkan oleh Kerajaan, terutama sa-kali dalam kawasan saya. Saya tidak hendak berchakap tentang sekolah hendak runtohs sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Di-tempat saya ada lain masaalah ia-itu orang di-sana banyak anak. Jadi oleh sebab banyak anak sekolah tidak muat ia-itu bilek darjah kurang di-tempat itu. Satu perkara saya nampak, Tuan Pengerusi, dalam Sekolah Rendah ia-itu Sekolah Inggeris Sungai Mati, Sekolah Abdul-

lah nama-nya. Sekolah itu di-buat menompang di-sekolah Melayu, murid-nya ada 400 orang. Jadi dengan keadaan menompang, mereka tidak ada padang permainan dan lain² lagi. Saya harap dengan peruntukan ini Kementerian Pelajaran akan mengambil ingatan untuk mendirikan sa-buah Sekolah Inggeris Sungai Mati dengan sempurna, tidak payah menompang di-sekolah kebangsaan itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, Sekolah Lanjutan di-sana di-tompangkan di-Sekolah Kebangsaan Laki² Bandar Tangkak sa-lama dua tahun. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum dalam hal keadaan menompang semua-nya serba kekurangan. Saya telah di-beritahu sa-kira-nya Sekolah Menengah Inggeris itu sudah sempurna, Sekolah Lanjutan itu kelak akan di-tompangkan di-sekolah Inggeris itu. Jadi saya dan ra'ayat tidak hendak sa-lama²-nya sekolah itu menompang. Saya harap dengan peruntukan kerana Sekolah Menengah ini kalau tidak boleh di-dirikan Sekolah Lanjutan di-Tangkak, tolong untukkan wang beli tanah untuk tapak Sekolah Lanjutan itu.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, ramai Ahli² Yang Berhormat telah berchakap pada sa-belah pagi tadi berkenaan dengan Kementerian Pelajaran ini. Sa-benar-nya kalau-lah chakap² yang saperti itu memberi keritik kepada Kerajaan, itu datang-nya daripada kami di-sini, sudah tentu-lah di-anggap sa-bagai satu tegoran yang berdasarkan sentiment dan sa-bagai-nya, tetapi oleh kerana pandangan² atau pun tegoran² itu datang-nya dari pehak sahabat saya, Ahli² Yang Berhormat yang menyokong Kerajaan, maka bagus-lah, mudah²an akan menjadi satu kesedaran kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini di-dalam mengambil tindakan pada masa akan datang.

Head 122, sub-head 11—Ra'ayat Schools ada peruntukan sa-banyak \$50,000. Kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini, ia-lah kerana menyempurnakan bengkalai dalam tahun 1962 atau dengan lain perkataan kerana menyempurnakan

rancangan kerja bagi sekolah² ra'ayat yang tidak berjalan dalam tahun 1962. Saya suka mendapat tahu, apa-kah sebab-nya yang besar maka rancangan dalam tahun 1962 itu tidak berjalan, bukan sahaja sekolah ra'ayat, seperti yang kita nampak kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, bahkan bahagian sekolah rendah pun ada juga di-antara peruntukan ini akan di-lakukan kerana menyempurnakan bengkalai dalam tahun 1962 itu. Maka apa-kah sebab yang besar yang menyebabkan pembangunan sekolah² ra'ayat dalam tahun 1962 itu terbengkalai, ada-kah dengan kerana kechuaian Kementerian ini, atau pun kerana kechuaian daripada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom yang bertugas bagi membangunkan bangunan itu, atau pun kerana ta' dapat wang yang chukup atau sa-bagai-nya. Sebab, kedudukan sekolah² ra'ayat dalam negeri kita ini yang saya tahu, sekolah² ra'ayat yang banyak di-dapati ia-lah di-negeri Kelantan dan negeri Kedah, di-mana sekolah² ra'ayat ini walau pun nama-nya sekolah ra'ayat, tetapi pelajaran-nya ada-lah sama dengan pelajaran sekolah² rendah, atau pun sekolah² kebangsaan dalam negeri ini, dan dengan ada-nya sekolah² ra'ayat itu erti-nya ada-lah satu daripada sumbangan yang di-beri oleh ra'ayat negeri ini kepada tugas² yang sa-patut-nya kerja² itu di-pikul oleh Kementerian Pelajaran ini sendiri, sebab tugas memberi pendidikan pelajaran kepada ra'ayat itu ada-lah tugas bagi Kerajaan Pusat.

Jadi, patut-lah pihak Kementerian Pelajaran ini menerima kaseh kepada ra'ayat yang telah bersusah payah begitu lama bagi membuat sekolah² ra'ayat itu, dan chara memberi terima kaseh yang sa-baik²-nya ia-lah membangunkan, atau pun memberi bangunan sekolah² ra'ayat itu dengan sa-bberapa segera yang boleh, sa-hingga segala yang burok dan robek itu akan bertukar chorak kepada sekolah yang baik dan sempurna, dan akhir-nya akan menjadi sekolah kebangsaan yang terus di-bawah jagaan Kementerian Pelajaran. Saya suka menyatakan bahawa ada sa-buah sekolah ra'ayat di-dalam kawasan saya, lebeh kurang

satu tahun lebeh lama-nya telah sujud ka-bumi, dan perkara ini telah pun di-ma'alumkan kepada Pejabat Pelajaran dan juga Kementerian Pelajaran ia-itu Sekolah Ra'ayat Kampong Keling nama-nya yang sa-hingga sekarang ini tidak mendapat pembaikan dan perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran. Jadi, saya ingin mendapat tahu, sampai bila-kah sekolah ra'ayat yang seperti itu akan mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran ini, dan barangkali hendak-nya mudah²an di-dalam peruntukan yang sa-banyak \$50,000 ini ada-lah peruntukan itu sa-bahagian-nya di-tumpukan kepada sekolah ra'ayat di-Kampong Keling itu.

Saya suka-lah memberikan pandangan pada pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini ia-itu supaya pada masa² yang akan datang jangan-lah ada lagi peruntukan dari satu masa ka-satu masa kerana menyempurnakan bengkalai yang ta' berjalan, dan hendak-nya jadikan-lah kerja² bagi Kementerian Pelajaran ini di-dalam melakukan tugas-nya segala peruntukan yang di-untukkan bagi tahun yang seperti itu dapat di-belanjakan dengan sa-baik²-nya, dan dengan yang demikian pembangunan itu dapat berjalan dengan lancar-nya.

Saya bersama²-lah dengan Ahli² Yang Berhormat pihak penyokong Kerajaan tadi yang menyeru kepada Kementerian Pelajaran ini supaya melakukan tugas-nya dengan betul, segala duit yang di-peruntukkan untuk di-luluskan oleh Dewan ini akan dapat di-belanjakan dengan betul, dan ta' payah-lah Rumah ini mendengar kalimah² untuk menyempurnakan tugas dalam tahun 1962 itu ta' selesai, atau tahun berapa ta' selesai.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head 2—Secondary Continuation Schools Programme—peruntukan sa-banyak satu juta ringgit lebeh bagi sekolah² lanjutan ini. Saya mendapat tahu berkenaan dengan sekolah² lanjutan ini, ramai orang telah merungut, atau pun berasa ta' puas hati yang mana mereka mengatakan

ini hanya sa-bagai melepaskan batok di-tangga sahaja. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini supaya mendirikan lebeh banyak lagi sekolah² menengah jenis kebangsaan. Jikalau mengikut laporan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi ia-itu lima enam buah sekolah menengah akan di-dirikan, saperti di-Telok Anson, Sultan Abdul Halim, Kluang, Batu Pahat dan Cheras. Saya ta' tahu sama ada sekolah menengah itu

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Untuk penjelasan, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan sekolah menengah jenis kebangsaan, atau sekolah menengah kebangsaan; yang saya dengar tadi ia-lah sekolah menengah jenis kebangsaan.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Yang saya maksudkan itu ia-lah sekolah menengah kebangsaan—minta ma'af.

Jadi, sa-lagi sekolah menengah kebangsaan itu tidak di-dirikan, maka tujuan hendak merasmikan bahasa kebangsaan dalam tahun 1967 itu, rasa saya tipis, kerana kalau kita dirikan sekolah menengah jenis kebangsaan dengan banyak-nya, maka ta' dapat tidak kanak² sekolah dari semua bangsa akan pergi ka-sekolah² jenis kebangsaan, terutama-nya sekolah Inggeris. Oleh yang demikian saya berharap sangat-lah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini supaya menggantungkan buat sementara bagi sekolah² menengah jenis kebangsaan itu dan dirikan-lah sekolah² menengah kebangsaan yang bahasa penghantar-nya ia-lah bahasa Melayu. Terima kasih.

Wan Yahya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya chuma hendak bertanya sahaja, saya ta' hendak berchakap apa². Mengikut apa yang saya tahu, sa-buah rumah hostel sa-patut telah di-dirikan di-Kemaman dalam tahun 1960 dahulu ia-itu di-Sekolah Menengah Sultan Ismail, tetapi sa-hingga pada tahun 1963 sekarang ini pun, ta' ada nampak apa². Jadi, saya fikir, kalau saya mengambil masa pun, agak-nya ta' berapa mustahak di-dalam Dewan yang Ber-

hormat ini, kerana ramai Ahli² Yang Berhormat telah berchakap di-dalam Dewan ini tentang berapa sukar dan susah-nya kalau sekolah itu tidak mempunyai hostel. Saya rasa tidak-lah perlu bagi saya untuk membuat apa² ucapan lagi, kerana saya fikir Ahli² Yang Berhormat dan juga Kementerian yang berkenaan ini akan lebeh mengetahui tentang tiap² sa-buah sekolah yang tidak mempunyai rumah tumpangan asrama itu, bagaimana susah-nya ibu² bapa mereka hendak menghantar anak²-nya ka-sekolah. Saya suka hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sama ada wang peruntukan yang sa-banyak \$410,000 ini ada-kah termasuk hostel yang akan di-dirikan di-Kemaman itu?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, nyata daripada perbahathan ini bahawa kelambatan² yang telah berlaku di-beberapa buah tempat di-dalam Tanah Melayu ini, dan saya perchaya ini patut-lah di-akui oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan tidak lagi mengatakan bahawa itu sengaja di-buat². Sungguh pun. Tuan Pengerusi, saya suka juga bagaimana sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh meminta supaya pertimbangan di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam soal kelambatan ini, ia-itu adakah ranchangan yang dahulu-nya yang di-buat oleh Kerajaan, terutama dalam Kementerian Pelajaran dengan mengadakan satu chabang di-dalam Kementerian Pelajaran ini ia-itu chabang Architect Branch supaya dapat menolong benar² bagi kemajuan untuk memperchepatkan pembangunan sekolah² di-tempat² yang tertentu, atau pun pada hari ini chabang itu telah tidak dapat menjalankan kerja-nya dan telah mati di-atas buaian-nya.

Tuan Pengerusi, saya tidak lagi hendak mengadu hal sangat kepada Menteri Yang Berhormat ini, sebab saya pandang kelamabatan Kementerian ini menjalankan kerja sukar difahami. Di-Bachok semenjak Dewan ini mula mendapat wakil ra'ayat yang di-pileh, saya telah membawa masaalah Sekolah Badak yang mula-nya sekolah itu susah tidak chukup tempat, dan

kemudian-nya bochor, rosak dan berapa tahun lepas itu roboh dan pada hari ini tidak ada di-bumi Allah Subhanahu Wata'ala ini. Apabila saya chakapkan perkara ini berapa bulan dahulu, ada-lah sa-patah dua yang di-jawab oleh Menteri Yang Berhormat mengatakan begitu dan bagini. Baharu² ini, Tuan Pengerusi, banyak batu² di-longgokkan di-Kampung Badak itu, saya pun berasa kembang hati, saya fikir tentu-lah hendak di-bangunkan sekolah, rupa²-nya kilang tembakau yang di-bangunkan di-situ, sekolah Badak itu tidak di-dirikan. Jadi pada hari ini saya menuntut penjelasan kepada Menteri Yang Berhormat apakah yang menghalang Kementerian ini meninggalkan satu kewajipan yang telah di-akuī akan di-jalankan dengan jadual waktu yang tertentu di-dalam membangunkan sa-buah sekolah bagi ra'ayat yang berkepentingan kepada pelajaran itu. Primary School Programme akan menjadi programme yang tidak sempurna sa-kira-nya masa tidak di-perhatikan. Maka saya berharap jangan-lah hal ini berulang lagi. Chuma harapan saya ini akan habis pada tahun ini sebab Kementerian ini akan mula menggelengkan kepala-nya, kerana bulan August dan bulan October negeri Kelantan akan di-timpa hujan yang banyak. Berkata-lah sa-orang Menteri Yang Berhormat dahulu, kami tidak akan melambatkan pekerjaan yang telah di-ranchangkan oleh Kementerian kami, walau pun terpaksa membayarkan dengan harga yang banyak, kerana mengatasi kerumitan ayer hujan. Berangan²-lah siapa hendak berangan². Sekolah tidak ada hingga hari ini. Tidak-lah saya ketahui apa pula akan di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri kita yang baharu ini, atau pun dia akan chuba lagi memberi helah²-nya. Tuan Yang di-Pertua, ada ampun jika sa-orang Menteri mengatakan tidak ada wang bagi satu² sekolah untuk di-bangunkan, sebab itu keuzuran negara yang kita fahami bersama. Tetapi, apa-kah yang dapat di-berikan sa-bagai pema'afan sa-kira-nya telah di-akuī oleh Menteri itu berkali² bahawa dia akan bertindak dan membuat-nya, tetapi tidak melakukan sa-suatu.

Tuan Pengerusi, satu daripada perkara yang bukan sahaja mengechiwakan saya, tetapi mengkechiwakan orang lain tentang bangunan asrama. Di-Kota Bharu ada sa-buah sekolah bernama Zainab Menengah, sekolah ini mempunyai asrama. Pada suatu masa dahulu telah di-kemukakan kenyataan kepada C.E.O.—Ketua Pegawai Pelajaran Negeri menyatakan asrama itu telah lebeh daripada kesanggupan. Tetapi, Tuan Pengerusi, walau pun kenyataan itu telah di-sampaikan dan permintaan telah di-buat tidak juga dapat Kerajaan membuat sa-suatu pun. Saya menyertai dengan sahabat² saya daripada pehak sini dan pehak sana bahawa asrama ini ada-lah satu perkara yang penting bagi anak² kita di-kampung² bukan sahaja kerana mengatasi jauh perjalanan yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis tetapi juga mengatasi kerumitan² suasana mewujudkan hidup dengan pelajaran yang mesti ada pada tiap² penuntut. Tuan Pengerusi, sudah pada tempat-nya Menteri Yang Berhormat ini memikirkan panjang di-dalam hal yang saperti ini. Sa-kira-nya kelambatan² yang berlaku kerana Architect Branch, maka hapuskan-lah Architect Branch itu. Dan kalau kelambatan² itu berlaku, kerana Pejabat Kerja Raya lambat, atau tidak ada Engineer, maka bagi-lah kepada Pejabat Kerja Raya supaya keutamaan di-berikan kepada bangunan sekolah. Hal ini tidak dapat di-tanggohkan, sebab umur kanak² itu pula tidak akan dapat di-tanggohkan. Tuan Pengerusi, sahabat saya Ahli Yang Berhormat di-sana, lupa saya kawasan-nya, yang mengatakan kalau kritik² itu datang daripada kami, lambat² di-perhatikan oleh Menteri, tetapi kalau datang dari pehak Pembangkang kurang kaki kepak di-adakan. Saya hendak tengok pada hari ini apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu atau kedua² Ahli Yang Berhormat itu sanggup-kah tidak berkaki di-dalam menjalankan kerja.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai kita sedia ma'alom ia-itu perbahathan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran ini telah pun mengambil masa yang

panjang dan juga kerana apa kata sataengah² orang, banyak orang banyak ragam tetapi di-sini banyak ragam banyak chita², kita hendak itu dan ini. Akan tetapi pada awal ucapan saya itu saya telah menyatakan ia-itu peruntukan bagi Kementerian ini pada tahun 1963 sahaja pada asal-nya ialah \$69.4 juta akan tetapi telah dipotong menjadi \$40,026,799. Dan oleh kerana ini saya telah pun menyatakan tidak dapat-lah Kementerian ini menjalankan kerja² yang di-kehendaki dengan sa-penoh-nya. Ini ada-lah bukan kerana Kementerian ini chuai; dan oleh kerana Kementerian ini ada hasrat dan tujuan hendak menjalankan kerja-nya dengan sa-berapa banyak yang boleh, maka ini-lah sebab-nya kita minta wang peruntukan tambahan sa-banyak \$13,231,368 itu. Oleh kerana itu saya tidak-lah boleh menerima yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat di-sana itu yang mengatakan Kementerian ini chuai.

Saya juga suka menerangkan di-sini di-atas pekerjaan² yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sa-orang Ahli Yang Berhormat baharu tadi menyatakan di-sini, bahawa beliau itu hendak tahu sa-kira-nya Architect Branch Kementerian Pelajaran tidak menjalankan kerja-nya atau pun tidak dapat menjalankan kerja-nya. Saya suka memberi keterangan memandangkan daripada segi mempercepatkan lagi pembinaan bangunan² bagi sekolah² dan sa-bagai-nya dan memandangkan kepada kekurangan kaki-tangan professional sa-bagai engineer dan sa-bagai-nya maka Architect Branch itu telah pun di-hapuskan, dan sekarang ini kerja² itu ada-lah di-jalankan dibawah P.W.D. dengan mengadakan satu "division" bagi sekolah². Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan hostel. Bagi menjawab-nya, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tidak-lah juga menjadi satu ketinggalan bagi Kementerian Pelajaran, dan saya sendiri memang faham sa-benar-nya ia-itu hostel ada-lah satu perkara yang mustahak, tetapi sunggoh pun bagi satu² perkara yang mustahak itu tidak-lah juga dapat kita mengadakan dengan sa-kali gus; mesti-lah di-jalankan mengikut peringkat²-nya; kerana ini memandangkan bukan sahaja

kapada keadaan kewangan, tetapi juga kapada kebolehan menjayakan kerja.

Saya suka menyatakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk ma'aluman Ahli² Yang Berhormat supaya mereka mendapat tahu ia-itu hostel² bagi tahun ini telah pun di-mulakan dan sedang dalam pembinaan seperti berikut. Di-Johor: di-Batu Pahat, Keluang dan Mersing. Di-Melaka: Durian Daun Girls Hostel. Di-Negeri Sembilan: Malay Girls Hostel, Seremban. Di-Selangor: Banting dan Sabak Bernam. Di-Pahang: Padang Tengku, Maran, Temerloh. Di-Trengganu: Tengku Ampuan Intan School Hostel, Kuala Berang. Di-Kelantan: Yahya Putera Kuala Kerai Hostel dan Kamil Pasir Road Hostel ia-itu di-negeri sahabat saya yang baik itu (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Sekolah Badak, ada di-hadapan saya ini sa-buah buku yang menunjukkan "progress"-nya ia-itu bagaimana perjalanan satu² rancangan di-jalankan di-dalam projects Kementerian ini, dan Sekolah Kebangsaan Badak itu ada 12 bilek darjah sekarang ini dalam peringkat B ia-itu, peringkat "detailed planning". Jadi, itu-lah bukan ma'ana-nya kita ini tutupkan mata kita sahaja. Yang saya janji itu ada-lah sekolah itu akan di-bena, dan sudah pun di-mulakan.

Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan Sekolah Lanjutan, dan saya pun telah menyatakan tentang Sekolah Lanjutan ini ia-itu ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang sedang mengkaji kedudukan sekolah² itu. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah membawa pandangan supaya Sekolah² Lanjutan jangan di-tambah kerana itu harus akan merugikan jika di-bena dengan peruntukan wang yang banyak. Akan tetapi saya suka menyatakan bahawa satu² bangunan sekolah itu bukan-lah hanya dapat di-gunakan oleh satu² jenis pelajaran sahaja. Jika-lah Jawatan-Kuasa yang sekarang ini mengkaji kedudukan Sekolah Lanjutan itu dan pada pendapat-nya patut di-adakan satu chara yang lain maka sudah tentu bangunan itu boleh di-gunakan untuk jenis persekolahan yang lain itu atau pun Sekolah Menengah dan

sa-bagai-nya. Berkenaan dengan Sekolah Ra'ayat, kita ada meminta peruntukan bagi Sekolah Ra'ayat dan tujuan-nya ada-lah untuk memperbaiki keadaan² sekolah itu. Tanggong-jawab untuk memberi persekolahan pada anak² negeri ini ada-lah tanggong-jawab Kerajaan. Jika sa-kira-nya ada Sekolah Ra'ayat yang telah di-dirikan oleh penduduk² di-mana² kampung, Kerajaan ada-lah menjalankan ikhtiar, dengan peruntukan wang yang sa-umpama itu, untuk mendirikan bangunan² yang lain supaya Sekolah² Ra'ayat itu dapat di-tukarkan menjadi Sekolah² Kebangsaan. Di-antara lain² ada satu syarat, ia-itu hendak-lah tanah tapak sekarang itu mesti-lah di-serahkan kepada Federal Government. Berkenaan dengan hostel, saya telah beritahu tadi.

Satu perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada-lah tentang buku² text. Saya telah pun terangkan sa-malam berkenaan dengan perkara itu. Kalau saya tidak salah dengar, beliau telah menyatakan pada zaman Inggeris dahulu ada memberi peluang buku² dan sa-bagai-nya, dan sekarang ini tidak, kata-nya. Saya telah menapikan di-mana saya telah menerangkan pada masa dahulu hanya buku "Beneh Akal", ia-itu satu buku yang di-pakai tahun masuk dan itu-lah tahun keluar, "Beneh Akal", sahaja. Dan beliau itu juga menyatakan, dan ini menghairankan saya, ia-itu kata-nya, kalau tidak lah sebab dia, saya tidak dudok di-sini. Saya hairan, kerana yang saya tahu, pada tahun 1959 pada masa Pilihan Raya yang lalu pada masa mana saya telah di-pilih menjadi sa-orang Ahli Parlimen, dan dari itu saya telah di-pilih pula oleh Perdana Menteri dengan di-persetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong serta dengan izin Tuhan telah menjadi sa-orang Menteri. Kedudukan saya di-sini bukan-lah oleh sebab beliau itu, kerana beliau itu ada-lah daripada parti pembangkang. Saya tidak nampak bila masa dia menolong saya pada tahun 1959 itu. Dia telah menyatakan bahawa saya mengecil²kan dia; tidak tahu-lah kalau beliau itu ingatkan kepada saya ini pada masa itu

(Ketawa), dan oleh kerana itu dia menjelma bukan dengan diri-nya, tetapi dengan bayangan, saya tidak tahu-lah. Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, saya dengar tiap² kali dia masuk dalam Dewan ini tidak ada lain lagi melainkan record lama itu juga-lah yang di-pusing dan di-putar balek sa-hingga sekarang ini, berkenaan dengan pelajaran bahasa China dalam Sekolah² China, akan tetapi untuk menyedapkan hati kita dia telah ber-sama² membangkitkan pelajaran bahasa kebangsaan supaya orang tahu dia satu champion atau pun juara bagi bahasa kebangsaan juga. Ini boleh jadi hanya hendak menyedapkan telinga orang kita sahaja, dan seba-lek-nya, beliau berkehendakkan supaya bahasa kebangsaan itu di-longgarkan. Saya baharu² ini telah memberitahu dan jaminan ia-itu perkara ini ada-lah di-pertimbangkan dari sa-tahun ka-satahun, dan memang pada tahun yang sudah syarat² atau markah² yang di-kehendaki sa-bagai markah kelu-lusan dalam pepereksaan bahasa kebangsaan yang di-mestikan sa-bagai satu "compulsory subject" ada-lah sa-rendah²-nya. Dan itu jaminan saya memang sudah beri. Akan tetapi, saya tidak boleh dan tidak akan mengha-puskan syarat "compulsory pass" ia-itu satu syarat yang mesti dalam pepereksaan bahasa kebangsaan itu, kerana saya fikir tiap² sa-orang murid yang belajar walau pun dengan keadaan sa-macham ini yang boleh di-katakan sa-tengah tempat tidak begitu banyak guru² bahasa kebangsaan yang ada kelulusan, tetapi ini-lah sebab-nya kita menurunkan markah pas, dan saya perchaya tiap² sa-orang murid yang ada berusaha dapat berjaya.

Ada juga sa-tengah daripada Ahli² Yang Berhormat yang berkehendakkan supaya bantuan bagi sekolah² China umpama-nya di-beri 100 peratus. Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah berkaitan di-atas taraf sa-suatu sekolah, ia-itu sekolah² yang bangunan-nya tidak di-punyai oleh Kerajaan. Sekolah² yang sa-umpama itu biasa-nya di-beri bantuan sa-banyak 50 peratus, kerana bangunan sekolah itu apabila di-dirikan tidak di-pulangkan kepada Kerajaan, hanya dapat di-pinjamkan, tetapi

bangunan itu ada-lah hak kepunyaan badan yang mendirikan itu. Saya fikir ini sangat patut. Jadi sebab itu-lah tidak dapat di-beri 100 peratus. Kalau hendak 100 peratus bangunan itu hendak-lah di-pulangkan kepada Kerajaan.

Ada Ahli Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan Sekolah Jerlong. Sekolah ini telah runtuh dan Kementerian telah pun dapat tahu hal ini dan telah meluluskan peruntukan wang sa-banyak \$80,000 bagi membena sekolah itu.

Berkenaan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan yang di-bangkitkan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat, saya suka memberitahu kepada Dewan ini ia-itu Sekolah² Menengah Kebangsaan yang sudah di-bena dan siap ia-itu :

Johor	1
Melaka	—
Negeri Sembilan	—
Perak	—
Pulau Pinang	—
Kedah	1
Perlis	—
Pahang	—
Trengganu	—
Kelantan	—
Kuala Lumpur	—

Bangunan sedang di-dalam pembe-
naan (under construction):

Johor	2
Melaka	1
Negeri Sembilan	1
Selangor	2
Perak	—
Pulau Pinang	1
Perlis	1
Pahang	2
Trengganu	1
Kuala Lumpur	1

Untuk ranchangan tahun 1964:

Johor	4
Melaka	2
Negeri Sembilan	2
Selangor	2
Perak	4;

termasok satu sekolah di-Parit Buntar, saya harap sahabat saya itu senang hati-lah.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman: Terima kaseh-lah.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan:

Pulau Pinang	3
Kedah	3
Pahang	2
Trengganu	3
Kelantan	1
Kuala Lumpur	3

Sekolah Kebangsaan Jerlong, Kedah, sekolah ini ia-lah satu daripada sekolah² yang akan di-bena dengan wang yang saya minta ini.

Berkenaan dengan Sekolah Alam Shah di-mana sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat telah menyatakan tidak ada hostel bagi murid perempuan. Tuan Pengerusi, hanya ada 8 orang murid perempuan yang belajar di-dalam Sekolah Alam Shah itu, dan sudah tentu-lah bagi bilangan yang kecil sa-umpama itu kita tidak dapat mengadakan hostel. Saya fikir kalau adakan hostel pun tentu-lah mereka itu berasa tidak begitu ramai kawan²-nya daripada murid perempuan. Apabila ramai murid perempuan boleh-lah kita adakan hostel, tetapi itu ada-lah memandang kepada keadaan masa nanti.

Berkenaan dengan Rural Schools Quarters atau rumah² guru di-luar bandar itu saya tengok dalam estimates ini ada-lah di-bawah Kepala 10 dan tidak ada di-dalam kepala² kecil yang kita bahathkan hari ini. Akan tetapi, saya akan jawab supaya jangan beliau itu berasa hampa. Saya suka menyatakan ia-itu ada peruntukan sa-banyak \$2 juta, dan kita berharap dengan peruntukan ini banyak lagi rumah² bagi guru dapat di-sediakan bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya tengah men-
chari² kalau ada lagi perkara² yang belum saya terangkan, kerana Ahli² Yang Berhormat tadi kebanyakan berchakap perkara itu juga berulang², jadi saya susah menchari-nya. Saya rasa perkara itu barangkali saya telah terangkan satu persatu, dan sa-kira-nya ada Ahli² Yang Berhormat yang belum dapat jawapan-nya, saya sedia memberi jawapan-nya sa-kira-nya ada Ahli² Yang Berhormat mengingatkan saya dengan chara bersurat.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya di-atas penerangan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi ia-itu tentang pengurangan yang di-lakukan sa-banyak dua puluh juta ringgit kepada peruntukan pelajaran saperti yang di-nyatakan oleh beliau, boleh-kah saya mendapat tahu apa-kah asas² pengurangan ini di-lakukan, sama ada Treasury, atau pun sama ada dengan persetujuan beliau sendiri?

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu berkenaan dengan Architect Branch. Architect Branch telah di-hapuskan untuk mempercepatkan kerja. Dahulu Architect Branch ini ialah untuk mempercepatkan kerja. Saya juga hendak memahami tentang masaalah ini, dan sekarang ini ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini yakin bahawa dengan mengembalikan perkara ini kepada P.W.D. maka perkara ini akan dapat di-jalankan dengan lebih lincis lagi. Sa-belum beliau menjawab, perlu saya sebutkan bahawa kekurangan kakitangan teknik (technician) di-dalam P.W.D. ada-lah nyata dalam ucapan² Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom dan di-dalam apa yang kita lihat hari² hanya tempat² pembangunan, dan kenyataan ini dapat di-lihat manakala banyak pembangunan² Kerajaan yang di-lakukan bukan oleh P.W.D. tetapi di-lakukan oleh kontraktor. Jadi, dapat-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini meyakinkan tentang kelichinan kerja, walau pun dia mendapat peruntukan sa-banyak \$13,231,368 bagi tahun ini daripada \$20 juta ringgit yang telah dikurangkan dari tahun dahulu, maka yakin-kah dia bahawa benda ini dapat di-jalankan?

Berkenaan dengan Sekolah Badak tadi tentang cerita plan itu, itu sudah lama saya dengar.

Enche' Too Joon Hing: Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister has not replied to my query this morning regarding Government assistance to private independent schools. As I have already pointed out, under paragraph 18 of the Razak Report it is stated that schools giving lessons in the National

Language should receive Government assistance, and in view of the fact that we have got here in the estimates an item for Ra'ayat Schools, and Ra'ayat Schools are, I presume, private independent schools, I want to know if similar assistance is to be given to the independent schools for the teaching and learning of Malay in those schools.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya suka hendak mendapat penjelasan yang lebih terang sedikit, ia-itu ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang untok hendak membena sa-buah asrama perempuan di-Sekolah Menengah Inggeris, Kuala Lipis, bagi menampung sa-bagaimana yang telah saya sebutkan pada sa-belah pagi tadi.

Yang kedua, ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang hendak menimbangkan sa-mula tentang pembeinaan asrama di-Padang Tunku itu, yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri tahu tentang keadaan dan kesulitan di-tempat itu. Terima kaseh.

Enche' Lee Siok Yew: Mr Speaker, Sir, I would like the Honourable Minister to reply to the question which I asked this morning, that is whether the Tamil School at Sedgely Estate is to be built this year. The site is available, and I would like to see this Tamil School built this year.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu, ada-kah dengan menghapuskan Architect Branch itu dan dipulangkan kerja²-nya kepada P.W.D. maka dapat lebih lagi melichinkan dan mempercepatkan pehak Kementerian saya mengerjakan pembangunan sekolah² itu. Di-sini, saya suka menyatakan bahawa ini memang-lah satu perkara, jikalau kita memikirkan keadaan daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain, berma'ana menukarkan keadaan itu kepada satu keadaan yang lebih sempurna. Jadi, ini-lah harapan kita. Architect Branch ini di-hapuskan sa-telah perkara ini di-kaji dengan sa-baik²-nya, dan ini akan dapat melichinkan kerja² kita.

Berkenaan dengan kekurangan wang tadi, apa sebab wang yang dahulu

tahun 1960 itu di-kurangkan sa-banyak \$20 juta; ini ada beberapa sebab, ia itu ada-lah negara kita ini sedang menjalankan berbagai² rancangan, bukan sahaja dari segi persekolahan bahkan juga dari segi kemajuan negara yang lain², seperti rancangan luar bandar dan sa-bagai-nya, dan duit ini ada-lah di-bahagi²kan mengikut apa yang dapat di-peruntokkan bagi sa-suatu tahun itu. Dan sungguh pun kita telah meminta lebih, dan kita tidak dapat begitu banyak, National Development Planning Committee telah mentaksirkan kerja² yang patut di-buat, dan yang boleh di-buat, ia-itu "capacity of work" dan memandang kepada segi itu juga, Planning Committee ini telah memandang ia-itu kerja yang dapat di-lakukan oleh Kementerian ini hanya sa-banyak itu sahaja, tetapi apabila kita telah memberi keterangan kepada pehak² yang berkenaan itu, bahawa Kementerian Pelajaran boleh menjalankan kerja² yang boleh memakan belanja yang lebih banyak lagi, dan dengan keterangan² itu mereka telah bersetuju, sa-kira-nya di-luluskan oleh Dewan ini, memberi peruntukan sa-banyak \$13,231,368 lagi.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson meminta bantuan untuk sekolah² rendah private. Kata beliau dia berkehendakkan supaya sekolah² private itu di-beri bantuan sa-rupa dengan sekolah² ra'ayat. Ada-lah bantuan yang kita beri kepada sekolah² ra'ayat itu ia-lah untuk membolehkan sekolah² itu menjadi sekolah kebangsaan. Ini-lah chara-nya dan sa-kira-nya sekolah private China ini hendak membolehkan diri-nya menjadi sekolah kebangsaan, harus-lah kita boleh timbangan, tetapi dengan syarat yang sa-rupa.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis ada bertanya berkenaan dengan peruntukan asrama bagi murid² perempuan di-sana. Perkara ini tidak ada di-dalam pengetahuan saya, dan sa-kira-nya sa-suatu perkara itu di-pandang mustahak dan ada wang-nya, bukan sahaja bagi sa-suatu tempat yang tertentu, akan tetapi tentu-lah kita sa-bagaimana yang kita telah adakan satu asrama perempuan seperti yang saya telah terangkan

tadi ia-itu di-tempat lain tentu-lah saya akan timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada bertanya berkenaan dengan Tamil School di-Sedgeley Estate. Saya pun ingat yang beliau ini telah memberi kepada saya sa-puchok surat berkenaan dengan sa-buah sekolah. Saya suka hendak bertanya dengan Ahli Yang Berhormat itu, ada-kah betul surat yang tuan beri kepada saya itu berkenaan sekolah ini?

Enche' Lee Siok Yew: No.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Belum lagi, dan kalau begitu saya akan siasat perkara ini.

Enche' Too Joon Hing: Mr Speaker, Sir, my question is whether the Minister would consider giving Government assistance for the teaching of the National Language in the independent schools, because under paragraph 18 of the Razak Report, which the Rahman Talib policy is based upon, it is stated very clearly that the condition for getting assistance is that the school must teach the National Language. I am asking whether the Government would consider giving Government assistance for teaching the National Language in these schools.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, ini tidak masuk dalam perkara² yang kita sedang bincangkan sekarang ini. Ini berkenaan dengan Development project. Ini bukan fasal membayar gaji guru² dan sa-bagai-nya.

Question put, and agreed to.

The sum of \$13,231,368 for Head 122 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1963.

Head 123—

Mr Chairman: I propose that the sum of \$2,864,921 shown under Head 123, Medical and Health be approved.

The Minister of Health (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menandatangani wang sa-banyak \$2,864,912 bagi Head 123 Perubatan dan Kesihatan di-luluskan. Tuan Yang di-Pertua, benarkan-lah saya menerangkan

dengan ringkas sebab²-nya wang ini di-minta mengikut sub-head² yang di-sebutkan.

Kepala Kechil 20—Ma'amal dan Setor Pusat Pharmasi Kerajaan, Petaling Jaya—

Tambahan peruntukan \$566,912 yang di-minta itu ada-lah jumlah yang sa-patut-nya telah di-belanjakan dalam tahun 1962 tetapi telah tidak dapat di-belanjakan oleh kerana kelambatan yang tidak dapat di-elak berkenaan pembenaan bangunan projek itu. Oleh yang demikian maka ada-lah di-minta jumlah ini di-peruntukkan sa-mula sa-bagai tambahan bagi peruntukan asal tahun 1963 yang berjumlah sa-banyak \$3,244,555 itu. Projek ini di-jangka akan siap dalam bulan November 1963.

Kepala Kechil 218 (i)—Ranchangan Kesihatan Luar Bandar—

Peruntukan awal yang telah di-persetujukan bagi tahun 1963 ia-lah sa-banyak \$4,722,000 berbanding dengan tanggungan pembayaran mengikut kontrak sa-banyak \$7,500,000. Sa-hingga hari ini tambahan wang sa-banyak \$1,900,000 telah di-adakan dengan chara pemindahan daripada Kepala² Kechil yang lain dan dengan demikian hanya sa-banyak \$878,000 sahaja lagi mustahak di-adakan supaya dapat di-tunaikan tanggungan pembayaran mengikut kontrak tersebut itu. Tanggungan \$7,500,000 ini ia-lah bersangkutan belanja pembenaan Pusat² Kesihatan Besar, Pusat² Kesihatan Kechil dan Klinik² Bidan yang telah di-mulakan kerja-nya dalam tahun 1962 tetapi hanya akan siap dalam tahun 1963 ini. Tambahan peruntukan yang di-minta ini tidak mengandongi projek baharu.

Kepala Kechil 219—Memperbaiki Rumah² Sakit—

Peruntukan asal tahun 1963 berjumlah chuma \$3,500,000. Berbanding dengan ini tanggungan pembayaran mengikut kontrak ada-lah berjumlah sa-banyak \$4,170,000, ia-itu di-kehendaki untuk menunaikan pembayaran bersangkutan dengan projek² yang telah di-mulakan pembenaan-nya da-

lam tahun 1962, tetapi yang akan siap hanya dalam tahun 1963 ini. Oleh yang demikian mustahak-lah di-adakan tambahan peruntukan sa-banyak \$670,000 itu. Tambahan peruntukan ini tidak mengandongi perbelanjaan bagi projek baharu dalam tahun 1963.

Kepala Kechil 220—Rumah Sakit Baharu—(i) Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur—

Kepala Kechil ini ada-lah di-sertakan di-sini semata² untuk menunjukkan chadangan baharu untuk membelanjakan wang peruntukan \$26 juta di-bawah kepala kechil ini, supaya dapat di-asingkan sa-banyak \$15 juta bagi Rumah Sakit Latehan Petaling Jaya. Chadangan baharu ini ada-lah juga perlu di-buat memandangi kepada keadaan ranchangan Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur itu yang di-jangkakan tidak akan di-laksanakan pembenaan-nya sa-chara besar²an sa-hingga lewat tahun 1964 atau awal tahun 1965. Dengan yang demikian tidak-lah di-kehendaki semua-nya sa-kali peruntukan asal sa-banyak \$26 juta itu sa-hingga lepas tahun 1965, bahkan chuma \$10 juta sahaja di-kehendaki hingga akhir 1965.

Kepala Kechil 220 (iv)—Rumah Sakit Latehan, Petaling Jaya—

Nama asal Kepala Kechil ini ia-lah "Perbelanjaan Awal Bagi Rumah Sakit Petaling Jaya". Nama ini telah di-tukar kepada "Rumah Sakit Latehan Petaling Jaya" supaya menunjukkan bahawa projek ini akan di-mulakan terus pembenaan-nya. Jumlah anggaran perbelanjaan telah juga di-pinda supaya mengandongi semua sa-kali jumlah perbelanjaan projek ini yang mustahak di-adakan di-dalam masa Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua. Anggaran perbelanjaan ini sa-hingga akhir tahun 1965 ia-lah \$15 juta. Peruntukan asal tahun 1963 ia-lah \$30,090, dan anggaran ini mustahak di-tambah kepada jumlah \$780,090. Oleh yang demikian peruntukan tambahan sa-banyak \$750,000 ada-lah di-kehendaki dalam tahun ini. Peruntukan tambahan ini ia-lah untuk membayar perbelanjaan berkenaan menyediakan tapak dan belanja Akitek dan Pena-sehat²-nya.

Tentang mustahak-nya di-adakan Rumah Sakit Latehan ini tidak-lah payah saya terangkan satu persatu-nya memada-lah di-nyatakan negara berkehendakkan beberapa banyak doktor² dengan sa-chepat mungkin, untuk mengatasi kekurangan yang di-hadapi sekarang ini.

Enche' Liu Yoong Peng: Mr Speaker, Sir, I have only a small point to raise on Sub-head 220 (iv)—Teaching Hospital, Petaling Jaya. I presume this Teaching Hospital has something to do with the Medical Faculty of the University of Malaya and, if that is the case, why is it in Petaling Jaya—unless, of course, Petaling Jaya is to be enlarged? The locality of the present University of Malaya, as I understand it, is in Pantai Valley. So, there is a difference between Pantai Valley and Petaling Jaya. If the Teaching Hospital is not in Pantai Valley but in Petaling Jaya, then that it is not on the same site with the Medical Faculty. I think that is something which the Minister should explain.

Enche' Too Joon Hing: Mr Chairman, Sir, I rise to speak on Sub-head 219, Improvements to Hospitals. During the Budget Meeting in 1961, I brought to the notice of the former Minister of Health the condition of the Hospital Attendants' Quarters in Telok Anson. Those quarters were in a wretched condition. Sir, I have pointed out at that time there were only about 39

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Sir, on a point of order—Standing Order 36 (1). This is "Improvements to Hospitals" and not Attendants' Quarters.

Mr Chairman: I have to be a bit lenient to the Honourable Member, because yesterday when he wanted to speak on the principle I stopped him with the promise that I would give him a chance today. Therefore, I am just giving him a little latitude. He is the only one. (*Laughter*).

Enche' Too Joon Hing: Thank you, Sir. There are 39 units in the hospital compound in Telok Anson, and in these 39 units there are about 350 occupants—this is indeed over-

crowding. Recently some slight improvement has been made to increase the barbed wire fencing and so on, but after all that is not what is desirable. Further, Sir, I am sure that the Honourable Minister has already been there and knows that when the high tide comes in the whole place is flooded and the tenants have no place to sleep. Sir, the former Minister had promised that by 1962 there would be ten new units ready for these people to shift in. So, I am asking the Minister to say as to when would these ten units, or any extra units, be ready because of this very sad plight of these attendants. This question has been brought up as far back as 1953, and as this question has taken up quite a lot of time, I think the Minister should look into this and try to provide these people with decent and suitable quarters.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-dalam Sub-head 219 berkenaan dengan memajukan hospital. Saya perhatikan kedudukan hospital dalam negeri Kelantan ada-lah satu keadaan yang sangat menyedehkan, banyak kawan² saya telah menyebutkan tentang perbahathan dasar berkenaan dengan soal kedudukan hospital di-Kelantan sana. Sekarang ada sa-buah hospital besar di-Kota Bharu dan sa-buah hospital kecil di-Kuala Kerai, kedudukan bangunan² hospital yang ada sekarang ini boleh-lah di-katakan sa-bahagian daripada-nya, sudah-lah tidak chukup untuk memenohkan keadaan orang²-nya yang sakit di-dalam negeri Kelantan itu sendiri. Jadi, patut-lah pehak Menteri Yang Berhormat ini memikirkan pada masa yang akan datang supaya bangunan² hospital di-Kota Bharu dan lain² tempat juga di-adakan dengan sa-bberapa yang dapat.

Di-Pasir Mas mithal-nya, ada sa-buah hospital sahaja, nama saja hospital, Tuan Yang di-Pertua, tetapi doktor tidak ada, kalau ada orang yang sakit yang agak berat sedikit, terpaksa di-bawa ka-Kota Bharu yang jauh-nya lebeh kurang 12 batu, tetapi jalan-nya hampir sa-jam kerana jalan mengikut sungai. Ini semua-nya

ada-lah masaalah² yang harus di-fikirkan oleh Menteri Yang Berhormat itu tentang soal² kedudukan hospital negeri Kelantan itu.

Negeri Kelantan Menteri Yang Berhormat itu tahu bahawa penduduk-nya lebeh daripada lima ratus ribu, yang sa-benar-nya chuma di-Kuala Kerai sahaja satu masa pernah saya pergi melawat waktu ada terjadi orang sakit saya dapati kedudukan hospital Kuala Kerai itu di-kawal oleh sa-orang sahaja Medical Officer. Jadi apakala saya perhatikan keadaan yang demikian sudah sampai-lah masa-nya mesti di-besarkan ia-itu mengadakan beberapa pegawai² yang banyak. Begitu juga hospital di-Kota Bharu manakala kita perhatikan ward tiga, boleh-lah di-katakan bersusun² kedudukan-nya lebeh kurang macham hospital Kuala Lumpur ini juga, sampai hendak lulus badan pun payah. Waktu memikirkan perkara membesarkan hospital Kuala Lumpur ini maka Kota Bharu juga mesti-lah jangan ketinggalan, sebab ini juga ada-lah tanggung-jawab Menteri yang sama. Itu-lah perkara yang mustahak saya nyatakan pada Yang Berhormat.

Kepala 218 berthabit dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Saya perhatikan keadaan pusat² kesihatan tidak ada chukup kaki-tangan, maka rumah² pusat² kesihatan itu bukan-lah pegawai kesihatan itu yang dudok, tetapi ada-lah di-dudoki oleh sa-tengah² pegawai² Kerajaan bahagian lain yang tidak ada rumah, maka di-berikan peluang dudok di-rumah pegawai kesihatan itu, kerana rumah itu kosong. Jadi orang yang dudok itu tidak bersangkutan langsung dengan kesihatan. Di-negeri Kelantan itu, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang ini tidak ada sa-orang pun Health Officer ia-itu pegawai kesihatan yang bertauliah, semua soal urusan kesihatan ada-lah di-pegang oleh Senior Health Inspector. Jadi, itu-lah fasalnya banyak kejadian² yang berlaku boleh-lah di-katakan satu daripadanya ada-lah sebab kekurangan kaki-tangan dan kekurangan pegawai² itu sendiri.

Enche' Lee Siok Yew: Mr Chairman, Sir, I am speaking on Sub-head

219—Improvements to Hospitals, and in this connection I would touch on the hospital in Kajang. Kajang is the capital of the District of Ulu Langat with 80,000 people, but it has only one doctor. This poor doctor has to treat at least 50 to 60 out-door patients; at the same time that he has to attend to those patients in the hospital; he, besides that, has to attend court cases. Further, he has to pay visits once a week to Sepang Health Sub-centre and the Semenyih Health Sub-centre. Therefore, almost all of the out-door patients are treated by the Hospital Assistant. The Hospital Assistant asks the patient "What is your complaint—stomach ache, headache?" Then he will examine the patient and give a prescription. Sir, I have raised this question since 1960 and have requested the Honourable Minister of Health to post one more doctor to Kajang Hospital. I now appeal to him once again "we want one more doctor for Kajang Hospital".

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya hendak berchakap ia-itu berkenaan dengan kepala kechil 219 ia-itu Hospital, berkenaan dengan Hospital di-Muar sana. Saya ada-lah sa-orang pelawat hospital di-sana, tetapi tiap² kali saya melawat dan saya membuat report dalam buku lawatan Hospital itu telah di-kemukakan membuat pagar di-hospital Muar itu. Jadi, oleh sebab hospital Muar sana hanya sa-orang sahaja yang menjadi Jaga, tidak-lah dapat di-kawal orang² yang masuk di-dalam Hospital itu ia-itu masuk melihat dan melawat orang² sakit pada masa yang tidak ditentukan, kalau tidak ada pagar² itu. Kita dapati juga beratus² ekor kucing dan anjing masuk ka-dalam kawasan hospital itu dengan tidak dapat di-kawal dan malam² hari kedengaran sangat bising. Saya harap-lah supaya Menteri Yang Berhormat dapat memikirkan perkara ini.

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman: Tuan Pengerusi, saya hanya dapat berchakap satu sahaja dalam membahathkan Rang Undang² ini ia-itu saya hendak berchakap berkenaan dengan Improvements to Hospitals di-dalam

Sub-head 219. Tuan Pengerusi, penduduk di-dalam jajahan Krian lebih kurang 130,000 orang dan pada masa ini boleh di-katakan kebanyakan penduduk di-situ bukan sahaja daripada bangsa bukan Melayu, tetapi juga orang Melayu sendiri suka pergi ka-hospital. Tetapi yang mendukachitakan saya sedikit ia-lah berkenaan dengan doktor di-hospital itu nampak-nya tidak dapat menjalankan tugas dengan sa-penoh-nya kerana dalam hospital itu chuma ada sa-orang sahaja doktor. Jadi saya telah banyak mendapat rungutan berkenaan dengan doktor di-situ yang tidak dapat menjalankan tugas-nya dengan sa-penoh-nya. Saya perchaya doktor itu tidak dapat menjalankan tugas-nya, kerana boleh di-katakan pada tiap² hari tidak kurang daripada 60-70 orang datang jumpa doktor untuk meminta ubat, atau pun untuk di-pereksa penyakit-nya masing². Jika sa-kira-nya doktor ini menjalankan tugas-nya dengan sa-penoh-nya, saya fikir doktor ini tidak dapat hendak membuat pekerjaan yang lain, hanya untuk menjaga orang² ini. Jadi dengan ini saya berharap-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menambah sa-orang doktor lagi di-hospital Parit Buntar. Hospital ini bukan sahaja di-gunakan oleh penduduk dalam Krian yang sa-ramai 130,000 orang, tetapi juga penduduk yang bersempadan dengan jajahan Parit Buntar ia-itu Bandar Baharu perentah Kedah dan di-sabelah Nibong Tebal perentah Pulan Pinang. Jadi dengan ini saya rasa jika sa-kira-nya doktor ini tidak di-tambah sudah tentu-lah doktor yang ada itu menjalankan pekerjaan-nya 24 jam dengan tidak berhenti. Saya sendiri telah menyaksikan, sa-hingga makan tengah hari doktor itu tidak dapat balek, makanan-nya di-hantar daripada rumah, sebab menjalankan kewajipan-nya menjaga atau pun memeriksa orang sakit. Itu-lah harapan saya supaya Kementerian ini menambah sa-orang lagi doktor di-dalam hospital itu.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap sedikit berkenaan dengan ward. Di-dalam hospital itu

daripada dahulu sa-hingga hari ini tidak ada ward Second Class. Saya fikir dalam jajahan itu kaki-tangan Kerajaan ada lebih kurang 100 orang yang layak dudok dalam Second Class. Oleh sebab di-dalam hospital itu tidak ada ward Second Class, mereka terpaksa pergi ka-Taiping. Jadi orang ramai meminta supaya di-dalam hospital itu di-adakan ward Second Class untuk orang sakit yang datang hendak berubat dan tidak payah pergi ka-Taiping yang jauh-nya 30 batu itu. Itulah permintaan saya kepada Kementerian ini, dan saya harap Kementerian ini mengambil perhatian yang berat atas apa yang saya sebutkan itu.

Enche' Chan Siang Sun (Bentong):
Mr Chairman, Sir, I do not want to ask for more doctors or new hospitals, but I ask for my Bentong new poly-clinic. As far as I know, tender was called for and accepted in July, 1962, and then I went round telling the people everywhere that we are having a new poly-clinic in Bentong. But until today we have not seen anything coming up. I made a couple of enquiries from the Ministry of Health and they told me it is coming, but until now we have not seen anything yet. During the course of his speech while introducing the estimates, the Minister said that the additional funds asked for do not provide for any new projects for 1963. So I would like to request him earnestly that he should try to have the Bentong poly-clinic by early next year at least. That is all I would like to say.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman:
Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Improvements to Hospitals di-dalam Sub-head 219. Bukit Mertajam sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri sendiri tahu ada sa-buah rumah sakit yang chukup lengkap dan terbesar dalam Seberang Prai dan orang² sakit daripada selatan, dan utara Seberang Prai semua-nya di-hantar ka-hospital Bukit Mertajam. Dalam hospital Bukit Mertajam ada unit untuk membelah (surgery). Pada hari ini ada sa-orang doktor yang pakar berkenaan dengan pembelahan yang telah berlatih di-England. Jadi apa yang saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya

melengkapkan perkakas pembelahan di-hospital itu. Kerana baharu² ini ada sa-orang sakit yang telah mendapat kemalangan di-jalan raya telah di-bawa ka-hospital, doktor terpaksa membelah orang itu dengan serta-merta, tetapi oleh sebab tidak ada chukup perkakas, maka orang sakit itu terpaksa di-hantar ka-hospital Pulau Pinang. Tuan Pengerusi, Pulau Pinang dengan Bukit Mertajam jauh sedikit. Kalau siang hari, walau macham mana pun, boleh di-hantar, tetapi masa ferry ka-Pulau Pinang itu sa-takat 12.00 malam sahaja; jadi sa-lepas pukul 12.00 malam kalau sa-kira-nya ada kemalangan waktu malam atau suboh tentu-lah orang sakit itu akan mati dengan tidak dapat di-rawat atau pun di-ubati oleh doktor. Oleh sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya melengkapkan alat pembelahan di-dalam hospital Bukit Mertajam itu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, bertuah-lah Dewan ini kerana mendapat, Tuan Yang di-Pertua, yang baik hati yang dapat kami dengan-nya meminta doktor dan Hospital Assistant daripada wang pembangunan ini. Saya pun gadoh juga pada Kementerian Kesihatan ini. Di-dalam Rural Health Services Kementerian Kesihatan telah menyuroh orang berubat ka-klinik. Di-Bachok belum ada lagi hospital, dan ta' tahu-lah saya bila akan di-adakan oleh Yang Berhormat Menteri ini. Jadi pergi-lah orang kampung hendak berubat. Apa yang di-jumpa oleh mereka itu, kalau nasib dia baik penolong hospital itu ada di-klinik itu ia-itu sa-belah pagi, kalau datang di-sabelah petang dia tidak ada, kadang² terbalek. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah marah dan gadoh kapada penolong rumah sakit itu, tetapi yang menjadi soal kapada saya ia-lah sa-kira-nya hendak di-jalankan Rural Health Services biar-lah ada orang hendak menjalankan-nya. Membangunkan rumah sahaja tidak chukup. Dan sa-kira-nya di-adakan kelinik biar-lah kelinik itu di-buka di-masa orang lain menjalankan kerja ia-itu sa-belah pagi dan petang. Sa-kira-nya hendak di-adakan di-sabelah pagi dan petang, maka kita berhajatkan kapada dua orang Hospital Assistant di-dalam

satu kelinik. Maka di-Bachok saya telah menyebutkan barangkali dekat enam kali, saya chelah²kan juga, dan hari ini saya tidak berchadang hendak menyebutkan, tetapi oleh kerana orang lain pun rajin, maka saya rasa sudah sa-patut-nya-lah bagi Kementerian ini memikirkan hal ini. Jawapan Kementerian ini sa-mata² mengatakan: Kita tengah training orang. Saya pun tidak mengerti, training sampai berapa tahun, training ta' pandai² lagi. Jadi, sudah sa-patut-nya kalau dua sa-tengah tahun itu, sudah boleh-lah orang itu di-keluarkan dan di-hantarkan sa-orang ka-Bachok. Oleh itu, saya mintalah pada Menteri Kesihatan ini supaya memikirkan perkara ini dengan halus-nya.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, berchapak dalam Head 123, Sub-head 218—Rural Health Services, saya tidak hendak berchapak panjang di-dalam hal Rural Health Services ini, melainkan ada satu perkara yang saya fikir patut-lah perkara ini mendapat perhatian daripada Kementerian Kesihatan tentang penyakit² baharu yang munchol di-kampong², dan penyakit ini sangatlah mustahak bagi pihak Kementerian Kesihatan ini memikirkan bagaimana supaya dapat di-hapuskan. Penyakit baharu ini, Dato' Pengerusi, ia-lah penyakit tidak mahukan anak—ta' berkehendakkan anak banyak. Jadi, penyakit ini-lah yang mendatangkan satu bahaya bagi orang² yang dudok di-kampong², kerana dalam masa kemajuan ini, sa-lama ada perusahaan Rural Development, maka banyak-lah jalan² baharu dan kemudahan² didapati. Jadi, oleh kerana itu, ramai kaum² ibu yang hendak keluar daripada kampong², dengan sebab itu mereka tidak berkehendakkan banyak anak, sebab kalau ada anak banyak, nampak-nya susah-lah bagi mereka itu hendak keluar. Maka dengan kerana itu, ramai-lah di-antara mereka itu menggunakan ubat² yang merbahaya, sa-umpama akar kayu dan lain² lagi.

Saya memikirkan yang perkara ini amat-lah mustahak di-masokkan satu peruntukan wang supaya dapat di-adakan penerangan kapada orang²

yang tinggal di-kawasan luar bandar itu dengan menerangkan betapa bahaya-nya jikalau mereka itu menjalankan kerja yang merbahaya ini yang mana ini akan dapat merosakkan kesihatan kaum² ibu, terutama pada masa sekarang ini Kerajaan sedang menggalakkan family planning, dan biar-lah kerja² yang sa-umpama itu dapat di-kembangkan ka-dalam kampong² supaya pehak yang berkenaan dapat memberikan satu penerangan yang lengkap kepada kaum² ibu supaya jangan mereka itu terkena penyakit² yang merbahaya. Di-tempat saya, biasa-nya ada yang membawa maut, kerana perchaya kepada akar kayu.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh pada pehak Kementerian Kesihatan, kerana baharu² ini telah munchol satu penyakit wabak taun daripada negeri Thailand, dan nampak-nya bahawa Pejabat Kesihatan Negeri Kedah, Perlis dan seluroh-nya telah bekerja dengan begitu susah payah dua puluh empat jam satu hari, tetapi satu perkara yang saya hendak memberikan pandangan kepada Kementerian Kesihatan ini ia-lah berkenaan dengan Quarantine Station, Padang Besar yang di-buat lebih kurang 40 tahun dahulu. Pada masa dahulu ta' apa-lah, kerana jauh, tetapi pada masa sekarang ini Quarantine Station itu telah dudok berhampiran dengan rumah² orang. Jadi saya minta dan merayu pada pehak Kementerian Kesihatan ini supaya memikirkan bagaimana supaya mengadakan Quarantine Station itu tidak lagi berhampiran dengan rumah orang² yang dudok di-situ. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Mr Chairman, Sir, I would like to reply to some of the observations made by Honourable Members in this House.

The Honourable Member for Rawang has doubted whether the Teaching Hospital at Petaling Jaya has any connection with the Faculty of Medicine. I can assure him that the Teaching Hospital and the Medical Faculty are on the same site. The

reason why I did not call it a "Teaching Hospital, Pantai Valley" is that it is not to be sited in that valley, and is going to be sited on the hill which is included in the Petaling Jaya Authority.

The Honourable Member for Telok Anson has raised the question about the construction of additional units of Attendants' Quarters at Telok Anson. I was told that under Sub-head 219 a certain amount of money is provided for the provision of additional units of quarters for attendants. However, I would certainly consider the Honourable Member's request but the difficulty is that the present site of the Attendants' Quarters at Telok Anson is almost being washed away by the river, and I think it would be a mere waste of public funds if we build them on the same site and so we have got to look for an alternative site.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada mengatakan berkenaan dengan kekurangan kaki-tangan di-hospital² dalam negeri Kelantan, dan dia mengatakan juga bahawa di-Pasir Mas umpama-nya, ada sa-buah hospital tetapi tidak ada sa-orang doktor pun. Sa-bagaimana yang saya katakan bahawa peruntokan di-bawah Sub-head 219 ini ia-lah peruntokan lanjutan; Ahli Yang Berhormat itu meminta supaya peruntokan ini di-belanjakan untuk membaiki hospital² dalam negeri Kelantan. Bagaimana yang saya katakan tadi bahawa peruntokan ini ia-lah lanjutan, ia-itu wang yang di-kehendaki bagi menyiapkan projek² yang di-mulakan dalam tahun 1962 dan yang akan siap dalam tahun 1963. Apabila kita mendapat peruntokan baharu dalam tahun 1964 permintaan Ahli Yang Berhormat itu akan saya timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut telah menyatakan tentang kekurangan doktor di-hospital², ia-itu di-hospital² Kajang dan Parit Buntar. Sa-bagaimana yang telah saya nyatakan bahawa kekurangan ini di-akuai dan telah saya nyatakan ia-itu apabila kita mendapat lagi doktor² yang diambil dari luar negeri, kehendak² bagi

kedua² hospital itu akan di-timbang-kan.

The Honourable Member for Bentong, I think, is a little bit worried about the Poly-clinic at Bentong. I do not know whether he is in the House at the moment, but I can assure him that a provision has been set aside from this sub-head and that the construction of the Poly-clinic in Bentong will be proceeded with.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ada menyatakan bahawa hospital di-Muar selalu di-masoki anjing. Perkara ini saya akan siasat dan akan mengambil tindakan yang sa-patut-nya bagi membaiki keadaan yang tidak memuaskan hati itu.

Another Honourable Member, I think, has asked for a surgery unit for Bukit Mertajam Hospital. I will certainly look into this matter.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada menyebutkan berkenaan dengan kekurangan doktor dan kaki-tangan-nya di-Kelantan. Sa-bagaimana yang saya telah nyatakan bahawa perkara ini telah di-akui dan berpuncha dari dua sebab. Yang pertama ia-lah kekurangan kaki-tangan yang meliputi seluruh Tanah Melayu, yang kedua kesusahan kita hendak menghantar pegawai² ka-Kelantan. Kadang² apabila kita minta sa-saorang itu pergi bertukar ka-Kelantan, dia pun memberi notice. Dengan sebab itu Kelantan pun ta' dapat, dan kita pula kehilangan sa-orang pegawai yang terlatah. Ta' tahu-lah saya, ada-kah hal itu ada kait-mengait-nya dengan keadaan di-negeri Kelantan yang di-bawah pemerintahan PAS itu.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan ada meminta supaya Kementerian ini memberikan penerangan berkenaan dengan hal family planning. Saya suka menerangkan di-atas hal ini ia-itu family planning ini bukan-lah kerja yang di-jalankan oleh Kementerian ini, tetapi di-jalankan oleh satu pertubohan, dan di-atas kehendak² Ahli Yang Berhormat itu akan saya sampaikan kepada pertubohan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyatakan berkenaan dengan Quarantine Station, Padang Besar, ia-itu kata-nya keadaan di-situ tidak memuaskan. Perkara itu memang telah di-ketahui oleh Kementerian saya, dan baharu² ini Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan telah menyiasat, tetapi saya belum lagi mendapat penyata-nya, dan kekurangan itu akan di-baiki.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengerusi, saya pun hairan juga kenapa doktor² ini, kalau hendak di-hantar ka-Kelantan, maka dia berhentilah, tetapi saya berani-lah menchabar Menteri Yang Berhormat ini bahawa dia tidak-lah sangkut-paut dengan PAS (*Ketawa*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$2,864,912 for Head 123 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1963.

Head 139—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Sir, I beg to move that a sum of \$672,950 shown under Head 139, Sub-head 40, be approved. A sum of \$672,950 is required under this Head. This amount is needed to meet the cost of extra reinforcements—builders works, mechanical and electrical works, etc. These additional commitments were not foreseen when the provisional bills were prepared by the Consultant Quantity Surveyor on the preliminary architectural drawings available at the commencement of the project. The detailed designs and drawings for these projects have, however, been completed and final estimates have been prepared and priced. Incidentally, Sir, I am sure Members will be interested to know that the new Parliament Building will be ready for occupation some time in October—and this meeting in this Chamber is also, incidentally, the last meeting that will be held here.

Sir, it is interesting to note that this Chamber started functioning some

time in 1948 and one of the first Members then is the present Minister of Finance, who has the record of having been a Member uninterruptedly for this whole length of period; then, in 1951, there came a young man, a bachelor, who was called Dato' Abdul Razak, and he, I think, married a year later; after that, there came a slightly tallish person called Tunku Abdul Rahman—and I am told that his attendance was rather erratic; then came another Member called Dr Ismail. All these men from the old Council are still in this House. In 1955, of course, we had the first elections and then the numbers swelled, and in 1959 the numbers increased to 104, and we have most of those Members who were elected in 1959. Of course, it is tragic that we lost two of our Members—the lamented Dato' Onn and, of course, Tuan Haji Sulong from Kuala Lipis. Among those who sat here was the then Leader of the Senate—the late Tun Leong Yew Koh.

Sir, during these few years between 1959 and 1963, we have had many debates in this House and we have, off and on, seen the progress of democracy being built slowly but steadily here. Off and on, of course, there have been fiery speeches; off and on, some Members talked very loudly and sometimes fearlessly, and I would have felt with Shakespeare, "Thou did offendeth thy lungs to speak so loud". Then, of course, some Members have taken upon themselves to speak at length but not with much substance—and of this Byron says, "His speech was a fine example, on the whole, of rhetoric which the learned call rigmarole"; and, of course, sometimes one feels when some speeches tend to be rather nasty in character, that may be, "the speech is a mirror of the soul—as the man so he speaks". But on the whole, Sir, I am sure this House, off and on, has been impressed by the speeches of the Honourable Member for Bachok and of other Members too, who have spoken at length with conviction and intelligence. So we, I think, with a certain amount of lamentation, have got to look at the prospect of leaving this House. However, Malaysia being

bigger and the needs for members being greater, it is perhaps wise that we move to this new building.

As I have said, we will move to the new building some time in October, Sir. There, of course, we will all meet with added members—more than 50 per cent of our present strength; and there again this factory of democracy will work anew and, with God's grace and with the good thoughts and desires of Members here, we will surge forward in the building of a new nation.

It is incidentally, Sir, one of the coincidences that my Honourable friend, the Minister of Finance, who was the first of those who come here, should today be that Member, who has three motions to his credit—the last items of this meeting in this Chamber.

Sir, I beg to move. (*Applause*).

Enche' Zulkiflee bin Muhammad:
Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom telah lebih dahulu berchakap kepada Dewan yang mulia ini tentang sejarah Dewan yang bertuah ini. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, merasa terikat kepada Dewan ini dan menginsafi bahawa hari ini-lah ada-lah hari persidangan yang akhir yang akan kita terasa bersama di-Dewan ini. Sudah sa-patut-nya-lah saya menyatakan bahawa di-dalam beberapa perkara yang di-chakapkan oleh Menteri Yang Berhormat banyak saya rasa patut di-chakapkan. Ada pula beberapa perkara terlupa Menteri Yang Berhormat itu menyebutkan berlaku di-dalam Dewan ini ia-itu sedikit sa-banyak sa-saorang mungkir janji di-dalam Dewan ini banyak pula janji itu tidak jadi. Sa-bagaimana Menteri Yang Berhormat merasa kadang² sengit² dan sengat² daripada beberapa ucapan² di-sini bagitu juga perasaan yang di-rasakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat di-sebelah sini daripada Ahli Yang Berhormat di-sebelah sana. Dewan ini, Tuan Pengerusi, sunggoh pun Dewan yang kecil pada bidang rupa-nya telah menjadi satu tapak bagi perkembangan demokrasi di-dalam

negeri ini. Bahawa bangunan ini tidak-lah sa-penoh di-gunakan sa-bagai Dewan bahkan sama dengan bangunan² yang lain tidak-lah mengurangkan, walau sedikit pun taraf amalan demokrasi yang berlaku dalam negeri ini. Bahkan kita merasa bangga bahawa kita telah dapat sa-buah Dewan yang kecil yang kita akan tinggalkan ini menunjukkan bahawa kita tahu hidup di-dalam demokrasi dan tahu mengamalkan-nya. Akan kita tinggalkan Dewan ini dengan ingatan² atau kejadian² yang berlaku di-dalam-nya terutama ingatan² di-dalam library. Sebagaimana Ahli² Yang Berhormat membaca buku di-kachau oleh bunyi talipon, dan orang² berchakap yang menyebabkan orang yang membaca buku itu terpaksa keluar.

Dan saya berharap ia-itu Yang Berhormat itu tentu-lah dapat menimbangkan dalam Parlimen kita yang baharu itu dengan rancangan kita sendiri, ia-itu tidak-lah berlaku pandangan² dan perkara² yang seperti itu lagi bahawa berkenaan dengan kerusi² untuk berbual² di-dalam library dan ada pun talipon direct exchange, di-tempat yang sa-patut-nya orang² diam. Saya, Tuan Yang di-Pertua, mengharapkan bahawa bangunan yang akan kita pindah itu akan menjadi satu bangunan yang lebih bersejarah daripada bangunan ini, walau pun kesayangan kita kepada Dewan ini tidak-lah berkurang, bahkan sa-patut-nya Dewan ini tidak-lah di-rombak daripada keadaan-nya yang sekarang ini. Ini akan di-gunakan untuk maksud² yang sa-suai dengan perkembangan demokrasi di-dalam negeri ini, dan sa-suai dengan kehidupan ra'ayat mengamalkan persefahaman yang baik, yang jujur, dan ikhlas.

Question put, and agreed to.

The sum of \$672,950 for Head 139 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1963.

Head 153—

Mr Chairman: I now propose the last item, a provision for \$5,000,000 under Head 153 be approved.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Chairman, Sir, in the speech which I made when introducing this motion, I dwelt on this item at great length and there is nothing further to add to what I said then.

Question put, and agreed to.

The sum of \$5,000,000 for Head 153 agreed to stand part of the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1963.

Question put, and resolved,

"That this House resolves that a sum not exceeding \$27,832,230 be expended out of the Development Fund in the financial year 1963, and that to meet the purpose of the Heads and Sub-heads as set out in the second column of the Statement laid on the Table as Command Paper No. 24 of 1963, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the eighth column thereof."

House resumed.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to report that the Committee has considered the motion referred to it and has agreed to it. I accordingly move,

That this House resolves that a sum not exceeding \$27,832,230 be expended out of the Development Fund in the financial year 1963, and that to meet the purpose of the Heads and Sub-heads as set out in the second column of the Statement laid on the Table as Command Paper No. 24 of 1963, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the eighth column thereof."

Dato' V. T. Sambanthan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that a sum not exceeding \$27,832,230 be expended out of the Development Fund in the financial year 1963, and that to meet the purpose of the Heads and Sub-heads as set out in the second column of the Statement laid on the Table as Command Paper No. 24 of 1963, there be appropriated the sums specified opposite such Heads and Sub-heads in the eighth column thereof."

**THE CUSTOMS DUTIES
(AMENDMENT) (No. 6) ORDER,
1963**

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move the motion standing in my name, viz.:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1963, which has been laid before the House as Statute Paper No. 48 of 1963 be confirmed.

The Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1963, seeks to amend the proviso to paragraph 6 (1) of the Customs Duties Order, 1961, which deals with preferential rates of duty on goods of Commonwealth origin. At present the granting of a preferential rate of duty on goods of Commonwealth origin is governed by paragraph 6 (1), and the proviso thereto, of the Customs Duties Order, 1961. This paragraph provides that a preferential rate of duty can be conceded on goods imported into the Federation if such goods are shown to the satisfaction of the Comptroller "to have been grown or produced or manufactured in and consigned direct from Commonwealth countries", which expression includes United Kingdom dependencies. The proviso to this paragraph further provides that such a preferential rate of duty can also be accorded to goods which have been firstly consigned to Penang and Singapore and subsequently reconsigning to the Principal Customs Area.

However, goods of Commonwealth origin reconsigning from Sabah or Sarawak to the Federation, i.e. the Principal Customs Area, or from the Federation to the two Borneo States are not given similar preferential treatment. It has now been agreed between the respective Authorities that certificates of origin issued in Malaya on goods reconsigning from the Federation to Sabah and Sarawak will be recognised by the Customs Authorities in those territories for the purpose of granting a preferential rate of duty. Similarly, the Federation Customs Authorities will accord a preferential rate of duty on goods reconsigning from the two States to the Federation. The

Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1963, seeks to implement this agreement.

This new arrangement will benefit Federation exporters as the balance of trade is in the Federation's favour, and any loss of revenue arising from the grant of preferential rates of duty on goods reconsigning from the Borneo States to the Federation will be negligible since imports from these countries are limited.

Sir, I beg to move.

Dato' V. T. Sambanthan: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Liu Yoong Peng: Mr Speaker, Sir, when goods are being reconsigning, these goods that are being reconsigning from Singapore and Penang would be given preferential treatment—therefore, it is all right. However, there are two points which I should mention here: firstly, the whole question of Commonwealth preferential treatment and, secondly, the question of reciprocity, where goods, for instance, come from Australia via Labuan and enter Malaya, after the approval of this motion, they will be given preferential treatment; but what we have to consider is whether goods that are in the unusual event of being sent through Labuan to Australia will be given the same preferential treatment. Of course, under the Commonwealth preference or imperial preference, that will be so. What I want to say is, whether in practice our officers are vigilant enough to look to it that we do get the treatment in practice.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I must admit that I find the speech of the Honourable Member for Rawang rather incoherent. I am not sure what he is driving at. (*Laughter*).

Enche' Liu Yoong Peng: If the Minister of Finance will ask his experts in the Ministry, he will understand what I am talking about. (*Laughter*).

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of sub-section (2) of section 10 of the Customs

Ordinance, 1952, the Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1963, which has been laid before the House as Statute Paper No. 48 of 1963 be confirmed.

FINANCIAL PROCEDURE ORDINANCE (No. 62 OF 1957)

(The Association of South-East Asia Fund)

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move—

That this House resolves that in accordance with the provisions of sub-section (4) of section 10 of the Financial Procedure Ordinance, 1957, the Second Schedule to the said Ordinance be amended by adding thereto the following new item:

"The Association of South East Asia Fund".

As Honourable Members will be aware, the second meeting of the Foreign Ministers of the Association of South East Asia was held in Manila from 2nd to 4th April this year. A full report of this meeting has been published by the three member countries concerned, and the various decisions and recommendations made by the Foreign Ministers at that meeting have been accepted in principle by their respective Governments. Honourable Members will recall that this Report was tabled in this House on 30th May, 1963, as Command Paper No. 17 of 1963.

One of the most important decisions recorded in the Report is the unanimous agreement of the three member countries that there should be established an Association of South East Asia Fund, or the ASA Fund in short. It has been agreed that the ASA Fund shall initially amount to the equivalent of US\$3 million, for the purpose of implementing projects approved by the Association which may be properly financed from this Fund. The Fund may be replenished or increased from time to time as agreed by the member countries.

As a first step towards the establishment of this Fund it will be necessary for each member country to contribute to the Fund an amount equivalent to US\$1 million, which will be paid in the currency of the member country

concerned in three equal annual instalments. The contribution by each member country will, however, be held in the custody of that particular member country.

As I have stated before, the Fund will only be used to finance agreed projects from which all member countries derive benefits, but in cases where a particular member country derives a greater share of the benefits, the proportion of the cost to be shared by each member country will be decided by the Governments concerned. These Governments will also decide the order of priorities of the projects to be financed from the Fund.

It is obvious that the proper disbursement and accounting of monies from this Fund must be subject to proper control. The three member countries are currently studying this problem and an *ad hoc* committee composed of representatives from each country will be formed to make recommendations on the rules and procedures which will be necessary for this purpose.

As it has been agreed, that the financial year of the Fund shall commence on 1st October and shall end on 30th September of the following year, and that payment of the first instalment shall be made as soon as possible after 1st July, 1963, it is now necessary for the Federation Government to contribute its first instalment to the Fund.

As far as the Federation is concerned, it is considered that it would be proper for its contribution to the ASA Fund to be held in the Consolidated Trust Account of the Consolidated Fund until it is needed for agreed projects. As Honourable Members are aware, such a trust account can be created under the provisions of sub-section 4 of section 10 of the Financial Procedure Ordinance, 1957, by resolution in this House which would have the effect of adding this trust account to the Second Schedule to this Ordinance.

Once such a trust account has been created, our contribution to the ASA Fund can be appropriated to this

account, and the monies will be held by our Government until required for agreed projects under the auspices of the Association of South East Asia.

Sir, I beg to move.

Tun Haji Abdul Razak: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Zulkiflee: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana chadangan ini baik, saya setuju.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that in accordance with the provisions of sub-section (4) of section 10 of the Financial Procedure Ordinance, 1957, the Second Schedule to the said Ordinance be amended by adding thereto the following new item:

"The Association of South East Asia Fund".

Adjourned sine die at 6.35 p.m.